

Amalan Rukhsah Sembelihan Ahli Kitab Menurut Yusuf al-Qaradawi dalam Kitab *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*

BITARAVolume 3, Issue 1, 2020: 022-031
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

Khairudin Shaary,¹ & Mohammad Amir Wan Harun¹

Abstrak

Pemakanan merupakan antara aspek terpenting yang disentuh dalam konsep rukhsah. Penulisan ini memfokuskan kepada konsep rukhsah dalam pemakanan dan sembelihan ahli kitab yang dibahaskan dalam kitab *al-Halal wal al-Haram Fi al-Islam* karya terkenal oleh Yusuf al-Qaradawi. Metode kajian ini menggunakan pendekatan metode analisis dokumen secara deduktif. Analisis awal mendapati bahawa fiqh Islam mengutamakan kemudahan dan mengelak kesulitan dalam kehidupan manusia. Dalam pada itu, konsep rukhsah perlu melepas beberapa garisan panduan syarak sebelum dapat diamalkan dalam ehwal pemakanan. Dalam hal sembelihan, Yusuf al-Qaradawi telah mengambil sikap mempermudahkan (*tasahhul*) hukum sembelihan yang dilakukan oleh ahli-ahli kitab dengan bersandarkan kepada maksud tersurat daripada ayat kelima daripada surah al-Ma'idah. Hasilnya, sembelihan ahli kitab dalam kalangan orang Kristian dan Yahudi adalah halal berdasarkan pemahaman secara literal ayat al-Quran surah al-Ma'idah, 5: 5.

Kata Kunci

Rukhsah, Sembelihan, Ahli Kitab, al-Qaradawi.

Cite This Article:

Khairudin Shaary & Mohammad Amir Wan Harun. 2020. Amalan rukhsah sembelihan Ahli Kitab menurut Yusuf al-Qaradawi dalam kitab *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(1): 022-031.

Pengenalan

Ahli kitab merupakan satu golongan yang disebut secara khusus di dalam al-Quran sebanyak 31 kali di dalam 9 surah yang berlainan. Hal ini menunjukkan bahawa ahli kitab mempunyai kedudukan dalam Islam di samping menjadi galakan untuk umat Islam bersosial, dan membuat hubungan diplomasi dengan mereka (Hanif Luthfi, 2018). Justeru, dalam pemakanan khususnya dalam ehwal sembelihan, al-Qaradawi dalam kitabnya *al-Halal wal al-Haram Fi al-Islam* mengetengahkan satu paradigma yang berbeza dengan pegangan umat Islam terutamanya di Malaysia (Maszlee Malik & Hamidah Mat, 2006).

Dalam kajian oleh Ahmed (2008) menemukan bahawa, rakyat United Kingdom lebih mempercayai kedai-kedai tempatan yang menjual produk halal oleh peniaga Muslim

¹ Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.

Corresponding Author:

MOHAMMAD AMIR WAN HARUN, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, MALAYSIA,
E-mail: amirwan@usm.my

berbanding dengan kepercayaan yang rendah terhadap status produk halal di pasar raya yang besar dan kebanyakan mereka juga tidak mengetahui bahawa pasar raya besar juga ada menjual produk halal tersebut. Begitu juga dalam isu sembelihan sama ada bersifat domestik atau global yang semakin sukar untuk dijustifikasikan status halalnya kerana sifatnya yang begitu global. Menurut Hussaini (2004), umat Islam walaupun selepas berhijrah ke Amerika, 75% daripadanya masih memilih produk halal (Husaini, 2004). Di Thailand pula, kajian daripada Chanin *et al.* (2015) menemui hasil kajian pelancong muslim yang datang ke Thailand membuat permintaan agar makanan dan minuman, restoran halal tambahan perlu disediakan dan boleh didapati di tempat-tempat pelancongan dengan logo makanan halal yang diperakui (Chanin *et al.*, 2015).

Dalam pada itu, makanan berorientasikan daging adalah makanan yang paling ketat syaratnya. Haiwan yang boleh dimakan mesti disembelih dengan ketetapan antaranya seorang mestilah muslim, dewasa, sihat akal atau waras serta sembelihan dilakukan di bahagian leher dengan pisau tajam (Farid Wajdi, 2014). Kesimpulannya, sembelihan halal adalah prosedur yang dianggap penting dalam perspektif Islam kerana prosedur ini menentukan kehalalan makanan yang diambil. Sementara itu, konsep *rukhsah* yang menyertai isu sembelihan ini wajar diteliti agar selari dengan kehendak Islam.

Metode Kajian

Buku *al-Halal Wa al-Haram Fi al-Islam* adalah subjek kajian utama kepada artikel ini. Keistimewaan karya al-Qaradawi ini adalah kerana beliau mengemukakan dan menganalisis ayat al-Quran dan hadis dengan tuntas, di samping mengintegrasikan ilmu *usul al-fiqh* dan *maqasid al-Syariah*. Pandangan dan hujah empat imam mazhab yang muktabar juga menambah kekuatan dalam buku beliau sehingga menjadi rujukan kepada dunia Islam hingga kini. *al-Halal Wa al-Haram Fi al-Islam* adalah antara kitab beliau yang mendapat sambutan dalam dunia Islam, telah banyak diulang cetak, dan diterjemahkan dalam pelbagai bahasa. Karya ini dianggap sangat penting kerana membicarakan persoalan halal dan haram dalam kehidupan berlandaskan Islam. Buku ini juga menjadi panduan umat Islam global ketika menangani isu halal dan haram termasuklah dalam ehwal pemakanan (Muhammad Ikhlas, 2013).

Analisis dokumen terhadap konsep *rukhsah* dalam pemakanan yang diketengahkan dalam kitab tersebut dibuat setelah mengamati perbahasan sub-sub tajuk di dalam buku tersebut. Analisis kitab ini dilakukan secara deduktif. Deduktif di sini adalah kaedah penganalisisan data yang berasaskan pola berfikir untuk membuat kesimpulan yang bertunjangkan dalil yang bersifat umum untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus (S. Hadi, 1965; Muhammad Fathullah, 2016). Perbahasan kajian ini dimurnikan lagi dengan rujukan-rujukan lain berupa berupa buku, jurnal ilmiah, dan kitab-kitab ulama Islam yang lain.

Kepentingan *Rukhsah* dalam Islam

Ulama-ulama *usul fiqh* telah mentakrifkan konsep *rukhsah* dengan pelbagai cara dan gaya yang berlainan dalam lafadz pentakrifan mereka. Akan tetapi, garapan pada maksudnya hampir sama (Muhammad Ibrahim, 1994). Ulama mazhab Hanafi mentakrifkan *rukhsah* dengan menukarkan

keadaan yang sukar kepada keadaan yang mudah kerana keuzuran dalam soal hukum-hakam. Bagi ulama aliran *al-rakyat*, mereka mentakrifkan sebagai apa yang diharuskan pelaksanaannya di samping hukum asalnya adalah haram (Jalaluddin, 1979). Bagi pengarang kitab *al-Jami' al-Jawami'*, beliau telah mentakrifkan *rukhsah* dengan mengubah hukum yang *syar'i* kepada keadaan yang ringan kerana keuzuran, di samping mengambil sikap berhati-hati dengan hukum asalnya (Muhammad Ibrahim, 1994).

Justeru itu, Islam membuka pintu kemudahan dan keringanan kepada mukalaf yang menghadapi kesulitan dan tidak mampu melaksanakan tanggungjawab seperti kebiasaannya kerana *musyaqqah* (bebangan) akibat daripada keadaan-keadaan tertentu (Mustafa al-Bugho et. al, 2008). Rumusnya, dapatlah dikatakan bahawa fiqh Islam pada asasnya mengutamakan kemudahan dan mengelak kesulitan umatnya.

Allah telah menyatakan dalam al-Quran dalam surah al-Hajj: 7 dan al-Baqarah: 185 yang menunjukkan keutamaan keringanan dalam menjalani kehidupan. Dua ayat tersebut mengisyaratkan bahawa di antara memberatkan atau meringankan sesuatu perkara, maka Islam memilih untuk lebih meringangkan hukum-hakam yang diperintahkan. Justeru, objektif dalam setiap perkara yang disyariatkan kepada manusia bukanlah berobjektifkan untuk menyulitkan kehidupan manusia, malahan Allah SWT hanya akan mensyariatkan perkara-perkara agama mengikut kemampuan manusia sejagat.

Begitu juga isyarat daripada sunnah Rasulullah SAW yang mana memfokuskan tentang keringanan yang dikurniakan Allah SWT kepada para hamba-Nya. Contohnya hadis riwayat Bukhari yang dilaporkan oleh Abu Hurairah *radhiyallahu'anhu* (RA) yang bermaksud: Sesungguhnya agama itu mudah, janganlah seseorang daripada kamu menyukarkan (menyulitkan urusan agama itu) melainkan kamu akan tewas" (*Bukhari, al-Asqalani*, 1993. 39: 243)

Hadis di atas menyatakan secara jelas menyatakan bahawa umat Islam tidak seharusnya menyulitkan perkara-perkara yang diperintahkan dalam agama. Nabi SAW juga mengisyaratkan agar umat Islam sewajarnya mengamalkan ajaran Islam dengan jalan moderat di samping beliau menyangkal umatnya yang mengamalkan ajaran agama secara keterlaluan.

Kedudukan *Rukhsah* dalam Islam

al-Qaradawi (2007) dalam bukunya *al-Halal Wa al-Haram Fi al-Islam* menyatakan bahawa, pada asasnya Islam mengambil sikap yang tegas terhadap sesuatu pengharaman, sama ada secara terang-terangan ataupun tersembunyi. Setiap perkara yang menjadi wasilah atau hubungkaikan kepada perkara yang haram, maka itu adalah haram. Pendukung kepada sesuatu yang haram, hukumnya juga adalah haram. Walau bagaimanapun, Islam tidak mengabaikan keperluan hidup dan kelemahan yang ada pada manusia. Islam juga mengambil kira keadaan *dharurah* yang tidak boleh dihindari di samping mengakui kelemahan manusia. Oleh sebab itu, dalam keadaan *dharurah*, seseorang muslim diperbolehkan melanggar larangan agama kerana terpaksa untuk menghilangkan keadaan *dharurah* itu dan melindungi nyawa daripada terancam (al-Qaradawi, 2007). Justeru itu, pengamalan *rukhsah* ini adalah dalam kerangka sekadar menghilangkan bahaya sahaja (Zulkifli Mohamad, 2005).

Sementara itu, selepas menyebutkan tentang makanan yang dilarang seperti bangkai, darah, dan daging khinzir dalam al-Quran [*al-Baqarah*: 173], ketetapan tentang adanya

pengecualian atau *rukhsah* ini terus diulang dalam empat ayat yang lain setiap kali al-Quran menyebut tentang makanan yang haram antaranya dalam surah *al-Maidah*:3, *al-An'am*:145 dan 119, dan *al-Nahl*:115.

Khairudin (2013) menyenaraikan empat unsur utama yang membuka jalan kepada *rukhsah*, iaitu *dharurah*, kelupaan, keuzuran, dan kejihilan. Menariknya, dalam topik kejihilan yang dibincangkan ada disenaraikan tiga kategori kejihilan. Pertamanya jahil tentang ilmu-ilmu syariah yang bersifat umum. Dalam hal ini tidak ada pengecualian terhadap individu muslim yang berakal lagi baligh untuk mengetahuinya (*fardhu 'ain*). Keduanya, ilmu-ilmu yang khusus lagi bersifat ilmiah yang tidak dituntut ke atas setiap individu muslim untuk mengetahuinya. Ketiganya ilmu atau pengetahuan mengenai hakikat sesuatu perkara yang sangat sulit untuk diketahui kedudukannya dan hakikatnya. Maka dalam hal ini, *syarak* memberikan kemaafan. Contohnya seperti persoalan tidak tahu sama ada daging yang dijual telah bercampur dengan unsur haram atau tidak, makanan pencuci mulut diragui sama ada dicampurkan *wine* atau tidak, sekalipun senarai kandungannya tidak menyatakan sedemikian (Khairudin, 2013).

Begitu juga persoalan ragu-ragu tentang sembelihan mukmin sama ada binatang tersebut disembelih dengan bacaan *basmalah* atau tidak. Hal ini dinyatakan secara jelas oleh al-Qaradawi dalam karya beliau bahawa tidak perlu lagi persoalan-persoalan begini ditimbulkan kerana amat sukar untuk mencari hakikat sebenar (al-Qaradawi, 2007).

Rumusnya dalam fenomena ini, al-Qarafi menerangkan (Khairudin, 2013): “Dalam semua keadaan ini maka orang yang jahil (tidak tahu) itu dimaafkan. Dia tidak berdosa kerana sulit baginya untuk mengetahui hakikat yang sebenar dan sulit baginya menghindari dari terjadinya tindakan yang berlawanan dengan hakikat kebenaran”

Kesimpulannya, andai setiap perkara itu terlalu rigit dibincang dan ditimbulkan persoalan dalam fikiran, maka kehidupan masyarakat Islam akan dampak begitu sempit dan sukar sekali. Malahan umat Islam sentiasa berada dalam keadaan risau dan was-was yang tidak bertempat dan terarah tuju dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Maka dalam situasi begini, Islam memaafkan umatnya atas kesulitan yang dihadapi.

Prinsip Rukhsah dalam Pemakanan menurut Kitab *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*

Yusuf al-Qaradawi menggariskan 11 prinsip-prinsip halal dan haram dalam Islam. Perkara terakhir yang disebutkan adalah ‘*dharurat* membolehkan yang dilarang’. Hal ini memberikan signifikan bahawa, dalam keadaan dan masa yang luar daripada senario normal, hukum harus akan mengambil tempat yang haram.

Antara topik yang menjadi perhatian al-Qaradawi di sini ialah berkaitan halal dan haram dalam makanan dan minuman. Beliau memetik dua ayat al-Quran daripada surah *al-An'am*: 119 dan surah *al-Baqarah*: 173. Dalam dua ayat tersebut dapat dibuktikan bahawa, di sebalik perintah menjauhi makanan yang diharamkan, terdapat keringanan hukum daripada haram menjadi harus atau wajib jika dalam keadaan terpaksa dan sangat mendesak.

Dharurat dalam Pemakanan

Dharurat di sini ialah kesukaran ketika ketiadaan makanan seperti mana disepakati ulama, umpamanya ketika kebuluran. Batasan yang ditetapkan para fuqaha adalah selepas bertahan selama sehari semalam. Maka, ketika itu seseorang dibolehkan memakan makanan yang haram sekadar yang boleh mengelakkan kebinasaan pada diri sahaja (al-Qaradawi, 2007).

Dalam hal yang sama, *dharurat* lapar disebutkan secara terang dalam al-Quran menerusi surah *al-Maidah*, [5:3]. Ayat ini menjelaskan bahawa dalam keadaan ketiadaan makanan halal dan kebuluran, maka makanan yang diharamkan boleh diambil sekadar yang sepatutnya dan Allah SWT tidak menganggapnya sebagai dosa dan kesalahan.

Dari segi yang lain, al-Qaradawi menyatakan bahawa tidak boleh diklasifikasikan *dharurat* kepada individu selagi masyarakat dapat menghindarkan *dharurat* tersebut. Umpamanya, seorang individu mukmin tidak boleh menganggap dirinya *dharurat* ketiadaan makanan sedangkan masyarakat sekeliling sama ada muslim atau kafir *zimmi* masih mampu memberikannya makanan kerana masyarakat mempunyai tanggungjawab dan wajib saling bantu-membantu antara satu sama lain (al-Qaradawi, 2007).

Keringanan Hukum Sembelihan Ahli Kitab dalam Kalangan Yahudi dan Kristian

Secara umumnya, masyarakat Islam memahami bahawa sembelihan orang kafir adalah haram untuk dimakan. al-Qaradawi (2007) dalam isu ini menafsirkan perkataan ahli kitab yang beragama Yahudi dan Kristian dengan pandangan yang sangat umum. Beliau mengambil faham daripada manifestasi *asbab al-nuzul* ayat daripada surah *al-Maidah*, [5: 5] yang bermaksud: “Pada hari ini dihalalkan bagi kamu semua yang baik-baik dari makanan yang diberikan ahli kitab kepada kamu, dan makanan kamu juga menjadi halal bagi mereka”

al-Qaradawi menulis bahawa, ayat ini bertujuan untuk membetulkan kefahaman kaum muslimin pada zaman Rasulullah SAW yang beranggapan sembelihan ahli kitab pada zaman tersebut adalah haram kerana saki-baki kesyirikan yang masih wujud dalam kalangan pengikut ahli kitab. Sedangkan menurut beliau, ahli kitab adalah kaum yang mengesakan Allah SWT. Justeru itu, Allah SWT menurunkan ayat tersebut membenarkan kaum muslimin memakan sembelihan ahli kitab dan mengikat tali diplomatik dengan mereka kerana mereka mentauhidkan Allah dan menerima kerasulan Nabi Muhammad SAW (al-Qaradawi, 2007).

Dalam pada itu, jika ahli kitab menyebut nama selain Allah SWT seperti *al-Masih* atau *al-Aziz* sekalipun, maka sembelihan tersebut masih lagi halal. Jika mereka menyebut nama-nama selain Allah dan ditujukan kepada selain Allah SWT sembelihan itu adalah halal walaupun ada sesetengah ulama telah mengharamkan. Abu Darda dan Malik bin Anas bersetuju dengan pendapat keharusan memakan sembelihan ahli kitab. Cuma Malik bin Anas dengan tegas menyatakan bahawa dia tidak mengharamkan, tetapi beliau sendiri tidak memakannya kerana kewarakannya. Dalam hal ini, al-Qaradawi menyatakan bahawa Allah lebih tahu apa yang ahli kitab katakan kerana itu Allah SWT membenarkan umat Islam memakannya (al-Qaradawi, 2007).

Ulama yang mengharamkan memakan sembelihan ahli kitab ini berpendapat bahawa ayat kelima dari surah *al-Maidah* tersebut bersifat arahan yang telah lepas dan bukan ditujukan kepada umat yang akan datang. Setelah menganalisis pendapat golongan kedua ini, Wahbah

Zuhaili menolaknya dengan hujah beliau dengan menyatakan bahawa pendapat ini tidak mempunyai dalil yang kukuh tentang syarat yang mereka katakan itu padahal para sahabat RA telah memakan sembelihan ahli kitab dan mengahwini wanita mereka tanpa menyelidik sama ada memenuhi syarat atau tidak (iaitu menyelidik nasab keturunan mereka) (al-Zuhaili, 1994). Terdapat persoalan yang menyatakan bahawa sembelihan golongan ahli kitab tidak lagi relevan pada masa kini kerana Yahudi dan Nasrani telah banyak melakukan perubahan dalam kitab mereka sehingga ianya tidak lagi tulen sebagaimana yang wujud pada zaman Nabi SAW. Hal ini ada asasnya kerana terdapat ayat dalam surah *al-Baqarah*: 75, 42, 85, *al-Taubah*: 31, *Yunus*: 68, *al-Nisa'*: 171, dan *Ali Imran*: 65 menonjolkan tentang kebatilan, kerosakan aqidah, amalan-amalan khurafat ahli kitab, serta perbuatan mereka yang telah mengubah isi-isi kandungan kitab Taurat dan Injil. Namun, ayat kelima daripada surah *al-Maidah* yang bersifat terkemudian dapat mempertikaikan stigma tersebut (al-Shabuni, 1996).

Di samping itu, timbul juga isu berkenaan cara mematikan binatang sembelihan ahli kitab yang amat berkontradiksi dengan cara sembelihan Islam. al-Qaradawi pernah menjawab tentang isu memakan binatang yang hanya dikilas lehernya sehingga mati oleh seorang Nasrani. Beliau menjawab bahawa, ia dibolehkan kerana Allah membenarkan kita memakan makanan ahli kitab secara mutlak, tanpa bersyarat. Pendapat ini juga mirip kepada pendapat mazhab Maliki yang mengambil erti sembelihan itu dengan mengambil nyawa binatang untuk menghalalkan dagingnya (al-Qaradawi, 2007).

Dalam pada itu, al-Qaradawi berpandangan bahawa pengikut Kristian dan Yahudi sekarang masih tergolong dalam kalangan ahli kitab dan segala makanan yang disediakan mereka adalah halal sama ada disembelih mengikut cara yang dibenarkan orang Islam atau tidak. Hikmah besar dihalalkan sembelihan ahli kitab ialah kerana Allah SWT sedia mengetahui bahawa Yahudi dan Nasrani adalah antara dua kaum yang dominan di dunia. Dengan membolehkan umat Islam memakan hasil sembelihan mereka, umat Islam akan dapat memperolehi makanan di mana sahaja kedudukan geografi dan senario demografi mereka. Ini amat benar jikalau kita perhatikan suasana masa kini di mana umat Islam wujud merata-rata di seluruh dunia, ada sebagai majoriti dan ada sebagai minoriti (Maszlee Malik & Hamidah Mat, 2006).

Rentetan itu, al-Qaradawi menegaskan bahawa daging-daging yang diimport dari kaum ahli-ahli kitab dari negara yang majoritinya beragama Kristian dan Yahudi walaupun cara sembelihannya mengimplementasikan tekanan tenaga atau elektrik, selagi mana ia betul pada kefahaman ahli kitab, maka daging-daging tersebut adalah halal. Manakala daging-daging dari Negara-negara Komunis, seperti China dan Rusia hukumnya adalah haram (al-Qaradawi, 2007).

Setelah membuat penelitian dan analisis, kerangka konseptual amalan *rukhsah* sembelihan ahli kitab menurut al-Qaradawi dapat dipaparkan seperti di bawah.

Kerangka Konseptual *Rukhsah Sembelihan Ahli Kitab* menurut *Kitab al-Halal Wa al-Haram Fi al-Islam*



Rajah 1 Kerangka Konseptual *Rukhsah Sembelihan* dalam Kitab *al-Halal Wa al-Haram Fi al-Islam*

Kesimpulan

Masyarakat Islam kini tidak dapat lari dari hakikat persekitaran, bersosial, berekonomi, berkomunikasi, dan berpolitik dalam dunia bersifat globalisasi. *Rukhsah* merupakan sifat belas kasihan dan satu kurniaan Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya ketika mengalami kesukaran

(*musyaqqah*) dalam menjalani kehidupan mereka. Justeru, al-Qaradawi dalam isu berkenaan sembelihan ahli kitab telah mengambil sikap merujuk terus kepada al-Quran secara tersurat dalam menangani isu ini. Terdapat sebahagian ulama mengharamkan sembelihan ahli kitab kerana terdapat ayat-ayat dalam al-Quran yang menginterpretasikan tentang kebobrokan ahli kitab. Namun, kehadiran ayat kelima (5) daripada surah al-Maidah yang datang terkemudian daripada ayat-ayat tersebut menjadi indikator utama al-Qaradawi ketika memberikan pendapat dan hujahan dalam isu ini. Sementelah itu, umat Islam yang hadir sebagai majoriti dalam sesebuah demografi tidaklah menghadapi masalah dalam memperolehi sumber makanan. Namun, bagi umat Islam yang wujud sebagai kelompok minoriti di negara-negara non muslim, seperti Argentina, Peru, Greenland, dan negara-negara lain, adalah sukar bagi mereka menyediakan makanan halal secara usaha sesama sendiri melainkan dengan memakan hasil sembelihan kaum yang dilabel sebagai ahli kitab yang mana wujud di lokasi mereka. Hal ini amat signifikan dengan interpretasi daripada surah al-Hajj 22:78 yang menyatakan tentang keringanan hukum dalam Islam.

Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia di atas bantuan dalam penerbitan ini melalui geran universiti (304/PHUMANITI/6315173)

Rujukan

- ‘Abd al-Rahman, Jalal al-Din. (1979). *Ghayatu al-wusul ila dhaqaiq ilmu al-usul*. Beirut, Lubnan: Daru al-Fikr.
- Ahmad H. Sakr. (1991). *Ramuan Makanan Islam, judul asal: A Muslim Guide To Food*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ahmed, A. (2008). Marketing of halal meat in the United Kingdom: Supermarkets versus local shops. *British Food Journal*, 110(7): 655-670.
- Asiah Shafie, Mohd Arif Nazri, & Haziyah Hussin. (2019). Makanan halal menurut perspektif islam dan kepentingan pelabelan, *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, Volume 2*, 070-084. Issue 3, 2019, e-ISSN: 2600-9080.
- ‘Ali, Sayf al-Din Abi al-Husayn. 1967. *al-ahkam fi al-usul al-ahkam*. Jilid 1. Qahirah, Mesir: Muassasah al-Halbi Wa Syarikah Linnasr Wa al-Tauzi’.
- al-Asqalani, al-Hafiz Ibnu Hajar, Ahmad Bin Ali Bin Hajar. (1993). *Fathul bari bisyarah soheh al-bukhari*. Tahqiq: Abdul Aziz Bin Abdullah Bin Baz . Jld 1. Cetakan pertama. Beirut, Lubnan: Daru al-Fikr.
- Azizan Ramli, Mazlin Mokhtar, Tuan Sidek Tuan Muda & Badhrulhisham Abdul Aziz. (2016). Pembangunan Industri Halal: Konsep Halalan-Toyyiban dan Pengurusan Keselamatan Industri dalam Kerangka Maqasid al-Shariah. *Ulum Islamiyyah Journal, Universiti Sains Islam Malaysia, vol. 18*, 91-114. ISSN 1675 – 5936.
- al-Bugha, Mustafa, al-Khin, Mustafa & al-Sharbaji, ‘Ali. (2005). *Fiqh al-manhaji*. Cetakan Disember 2005. Jld 3. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

- Chanin, O., Sriprasert, P., Rahman, H. A., & Don, M. S. (2015). Guidelines on Halal Tourism Management in the Andaman Sea Coast of Thailand. *Journal of Economics, Business and Management*, 3 (8):791-794.
- Farid Wajdi. (2014). *Undang-Undang, Pentadbiran Dan Penggunaan Logo Halal: Kajian Kes Di Sumatera Utara, Indonesia*. Tesis PHD. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Hanif Luthfi. 2018. *Hukum Fiqih Seputar Ahli Kitab*. Jakarta Selatan: Rumah Fiqih Publishing.
<http://www.e-fatwa.gov.my/default.asp>
<http://www.hpa.com.my>
<http://www.malaysiakini.com>
<http://www.muslimconsumer.org.my/ppim/news.php>
<https://hafizfirdaus.com/ebook/musafir/bhg47.htm>.
- Hussaini, M.M.. 2004. “*Halalharam lists: why they do not work*”. Dimuat turun pada Disember 2019, di: www.soundvision.com/info/halalhealthy/halal.list.asp.
- Ibn al-'Arabi, Abi Bakr Muhammad ibn 'Abd Allah al-Ma'ruf. 1967. *Ahkam al-Quran*. Tahqiq: 'Ali Muhammad al-Bajawi. Cetakan ke-2. Jld 1. Cairo: Maktabah al-Jami'ah.
- al-Imam, Muhammad Kamal al-Din. 1999. *Usul al-fiqh al-islami*. Cetakan kedua. Beirut, Lubnan: Daru al-Fikr.
- Jafri Abdullah. (1427 H/ 2006). Malaysia Hub Pengeluar Produk Halal: Potensi Dan Cabaran. *Jurnal Halal*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- al-Jassas, Abi Bakr Ahmad ibn 'Ali al-Razi. 1917 (1335H). *Ahkam al-Quran*. Jilid 1 dan 2. Beirut, Lubnan: Darul al-Kitab al-Arabi.
- Khairudin Shaary. 2013. *Halalan Thayyiban, Amalan Rukhsah Dalam Pemakanan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.,
- Maszlee Malik & Hamidah Mat. 2006. *Fikah Luar Negara: Mudah Praktik Islam Di Mana-Mana*. Kuala Lumpur: PTS Publication.
- Muhammad Ikhlas Rosele, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar & Mohd Anuar Ramli. (2013). *Prinsip-Prinsip Halal dan Haram Menurut Yusuf al-Qaradawi*. Nurdeng Deuraseh (pnyt). Halalan Thoyyiban Perspektif Malaysia, h. 118-125. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Ikhlas Rosele. (2013). *Prinsip-Prinsip Halal dan Haram Menurut Yusuf al-Qaradawi*. Serdang: Penerbit Universiti Putra, Malaysia.
- Nor 'Adha Abdul Hamid, Wawarah Saidpuddin. (2015). Industri Makanan Halal Serantau: Kajian Di Malaysia Dan Indonesia. *World Academic and Research Congress 2015 (World-AR 2015)*.
- Norazilawati Md Dahlal. (2017). Konsep Pengurusan Kualiti Makanan Halalan Tayyiban. Tesis PHD). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Norhidayah Pauzi & Saadan Man, 2018. Perkembangan Pentadbiran Pensijilan Halal di Malaysia 1974-2016: Satu Tinjauan. *Online Journal of Research in Islamic Studies* 5(1) (2018): 1-17. doi:10.15364/ris18-0501-01.
- al-Qaradawi, Yusuf. (1995). *Fatwa-Fatwa Kontemporer*. Jilid 1. Jakarta: Gema Insani.
- al-Qaradawi, Yusuf. (1996). *Fiqh Keutamaan: Suatu Kajian Baru Dari Perspektif al-Quran Dan al-Sunnah*. Terjemahan: Ahmad Nuryadi Asmawi. Selangor Darul Ehsan: Thinker's Library Sdn. Bhd.

- al-Qaradawi, Yusuf. (2007). *al-Halal Wa al-Haram Fi al-Islam*. Terjemahan: Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Islamiyah Pte Ltd.
- al-Qaradawi, Yusuf. (2007). *al-Halal Wa al-Haram Fi al-Islam*, Terjemahan: Abu Jabir Muhammad. Johor, Malaysia: Penerbit Perniagaan Jahabersa.
- al-Qaradawi, Yusuf. (2015). *Fatwa Kontemporari Jilid 3, Siri 1 (al-Quran, Hadith, & Usul Fiqh)*. Terjemahan: PTS Islamika. Batu Caves, Selangor: PTS ISlamika Sdn Bhd.
- S. Hadi Broto. 1965, *Metod Research*, t.pt.: t.tpt.
- al-Sabuni, 'Ali Ash. (1962). *Sejarah dan Dasar Pengajian Ilmu al-Quran*. Terjemahan. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- Shaqrah, Muhammad Ibrahim. (1994). *al-barahin al-hakimah fi al-rukhsah wa al-'azimah*, Cetakan pertama. Ardan, Oman: Penerbit Taj.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. (1996). *al-Wajiz fi al-usul fiqh*. Cetakan ke-5. Beirut, Lubnan: Daru al-Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1994). *Fiqh Dan Perundangan Islam*. Jilid 1-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka,
- al-Zuhayli, Wahbah. (1997). *Nazariah al-Dharurah al-Syar'iyyah: Muqaranah Ma'a al-Qanun al-Wad'i*. Cetakan ke-5. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1997. *Konsep Dharurat Dalam Hukum Islam: Studi Perbandingan Dengan Hukum Positif*. Terj: Said Husin, H. al-Munawar; Hadri Hasan. M.. Jakarta Selatan: Gaya Media Pertama Jakarta.
- Zulekha Yusoff, Asmak Ali, Maznah Daud, Farahdina Abd Manaf, Noor Salwati Sabtu, dan Mazlah Yaacob. (2008). *Sains kesihatan dalam tamadun Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPEN), Universiti Teknologi Mara.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2005). *Memahami Kaedah Dharurat Dalam Islam*. Mohd Khairuddin Aman Razali al-Takiri (penyunting). Kajang: Darul Fuqaha Enterprise.